

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Isnin, 25 April 2016

Petugas Bernama Sertai 'Program Jom Baca Untuk 10 Minit'



KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Kira-kira 100 petugas Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) menyertai 'Program Jom Baca Untuk 10 Minit' di lobi Wisma Bernama di sini Isnin.

Program yang dianjurkan sempena Hari Buku Sedunia dan Hak Cipta Dunia itu merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan, Perpustakaan Negara Malaysia, Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), sebagai acara tahunan yang bertujuan menyemai budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Program itu dirasmikan Penaung Kempen 3B Baca Bersama Bernama (3B) Datuk Raya Erom yang merupakan isteri Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Mohd Salled Said Keruak.

Pengurus Pusat Maklumat dan Perpustakaan Berita Bernama, Hasnita Ibrahim ketika ditemui berkata program itu diharap dapat menggalakkan budaya membaca dalam kalangan petugas Bernama.

"Kepentingan membaca adalah perlu kerana boleh dilakukan di mana-mana dengan membaca apa sahaja bahan bacaan selain meraikan sambutan program itu yang diadakan serentak di seluruh negara," katanya.

Terdahulu, Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Berita Ekonomi Bernama Mikhail Raj Abdullah ketika berucap berkata program itu dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa tabiat membaca tidak hanya bergantung kepada buku semata-mata, sebaliknya meliputi semua bahan bacaan seperti gajet.

Dalam pada itu, Mikail berkata Kempen 3B yang menggalakkan minat membaca menerusi sumbangan bank buku yang dilancarkan Februari lepas akan diteruskan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di MAEPS Serdang pada 29 April hingga 9 Mei ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kedai Buku Bergerak, MobileBookCafe (MBC), Hasren Ismail atau dikenali sebagai Uneh berkata pihaknya menyertai program itu bagi terus menyokong budaya membaca dalam kalangan masyarakat melalui konsep kedai buku bergerak.

"Kami bergerak sebagai satu pasukan di tempat berlainan. Selagi ada orang yang membeli buku, budaya membaca terus berkembang.

"Mungkin suatu hari kita boleh usahakan helikopter (bergerak) di kawasan pedalaman yang mungkin susah untuk dihubungi dengan kenderaan kerana kita hendak mencapai ruang lingkup yang masyarakat perlu membaca untuk berjaya," katanya sambil mengadakan Bengkel Melukis dan Mewarna Bersama Uneh di Bernama hari ini.

Hasren berkata MBC yang mula beroperasi pada 2013 hasil idea pengurusinya Muhamad Ali kini beroperasi di KL Sentral, MBC Selangor, MBC Kedah, MBC Perak, MBC Johor dan merancang untuk membuka cawangan lagi di Negeri Sembilan dan Kelantan.

-- BERNAMA